

17 AUG 2004

ASM-Mahathir

AKADEMI SAINS MALAYSIA BERI PENGHORMATAN KEPADA DR M

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Akademi Sains Malaysia (ASM) malam ini memberikan penghormatan tertinggi kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kerana sumbangannya kepada pembangunan negara dalam bidang sains dan teknologi dengan menamakan salah satu anugerah akademi itu atas namanya.

Anugerah itu yang dikenali sebagai Anugerah ASM Bagi Kecemerlangan Sainifik Sebagai Memperingati Tun Dr Mahathir Mohamad akan menjadi anugerah sains paling berprestij di Malaysia bagi Sains-sains Tropika.

Anugerah itu merupakan satu penghargaan dan penghormatan daripada ASM serta masyarakat saintifik tempatan kepada Dr Mahathir yang juga merupakan fellow kehormat ASM yang pertama, kata Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, bekas Penasihat Sains kepada Dr Mahathir.

Anugerah itu terdiri daripada empat kategori -- Perubatan Tropika, Pertanian Tropika, Senibina dan Kejuruteraan Tropika dan Sumber-sumber Semulajadi Tropika akan disampaikan kepada penyelidik cemerlang di peringkat tempatan dan antarabangsa berdasarkan kepada merit seluruh dunia.

Penerima anugerah itu dalam setiap kategori juga akan menerima wang tunai RM100,000.

Kemudian Dr Mahathir yang diiringi oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis dan Presiden ASM Tan Sri Datuk Dr Ahmad Zaharudin Idrus, melancarkan anugerah itu.

Turut hadir ialah isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Setiausaha Agung ASM Prof Datuk Dr Mazlan Othman.

Antara sumbangan Dr Mahathir dalam bidang sains dan teknologi ialah projek kereta nasional, mikro-satelit dan pembangunan pesawat ringan Eagle yang dibuat menggunakan bahan komposit.

-- BERNAMA

SYZ JM PR